

11 JUL 2003
IAP-Mesyuarat/I
JURANG DIGITAL ANTARA FOKUS UTAMA IAP 2003

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Isu jurang digital akan menjadi antara fokus utama perbincangan pada Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) ke-7 Koridor Raya Multimedia (MSC) September ini.

Naib Presiden Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Sdn Bhd Kamil Othman berkata perbincangan isu itu amat penting bagi menentukan langkah masa depan bagi merealisasikan matlamat MSC.

"Memandangkan kita kini memasuki fasa seterusnya dalam pembangunan MSC, kita mahu memastikan bahawa masalah jurang digital ini ditangani untuk membawa ICT lebih hampir kepada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas pelancaran awal Minggu ICT Malaysia 2003 (MICTW) di sini hari ini.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie merasmikan majlis pelancaran itu dan juga melancarkan logo acara di kementerian berkenaan.

Mesyuarat IAP, yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual diadakan dari 4 hingga 6 Sept di Cyberview Lodge Resort, Cyberjaya.

Sempena mesyuarat IAP, kementerian berkenaan dan beberapa pertubuhan lagi akan menganjurkan MICTW dari 2 hingga 6 Sept di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia, The Mines Resort City dan Hotel Palace of the Golden Horses.

Penganjur bersama yang lain bagi acara itu ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, MDC, Majlis Tindakan Ekonomi Negara, AMB Exhibition Sdn Bhd, Institut Kepimpinan Strategik Asia dan Puspanita Kebangsaan.

Bertemakan 'Menghubungkan Masyarakat bagi Pertumbuhan dan Transformasi', MICTW meliputi lima acara utama iaitu Expo Mega, Anugerah Kecemerlangan ICT 2002/2003, Persidangan ICT Puspanita, Sidang Kemuncak Dasar ICT MSC dan juga IAP.

Di dalam ucapannya, Moggie menggesa rakyat Malaysia, terutamanya usahawan teknokrat industri kecil dan sederhana serta peneraju utama ICT yang lain, untuk menggunakan acara itu sebagai asas bagi mempertingkatkan rangkaian mereka dan untuk meneroka peluang-peluang baru.

Kehadiran syarikat-syarikat bertaraf dunia pada pameran itu kelak akan menyediakan peluang terbaik untuk rangkaian seperti itu, kata beliau.

Acara itu dijangka menarik lebih 500 pempamer dan 16,000 pengunjung terdiri daripada pengawai kerajaan, pelawat perdagangan, pelajar, delegasi IAP dan orang ramai.

MICTW bermatlamat mempromosikan ICT sebagai pemangkin bagi pertumbuhan dengan menjadikan ICT sebagai alat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat, meletakkan Malaysia sebagai pusat serantau dan global bagi pembangunan ICT dan multimedia di samping menggalakkan kesedaran ICT yang lebih baik di kalangan rakyat Malaysia.

Maklumat lanjut mengenai acara itu boleh diperolehi dengan melayari www.acm.expo.com.

-- BERNAMA
SNS AHH YBY ROS